

Measat-3 tingkat teknologi komunikasi satelit negara

Um - 13/12/2006

Penekanan yang diberikan untuk memajukan teknologi ini sudah pasti dapat memanfaatkan negara dan rakyat

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

Oleh **ZABRY MOHAMAD**

KUALA LUMPUR 12 Dis. - Pelancaran Measat-3 membuktikan kesungguhan negara untuk melangkah setapak lagi dalam usaha memajukan industri teknologi komunikasi satelit tempatan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia begitu serius untuk menjadi pemain utama industri berkenaan supaya kecanggihan teknologi yang diperoleh dapat digunakan dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, komunikasi, penyiaran dan hiburan: Jelasnya, kelebihan itu akan mem-

bolehkan Malaysia berkongsi pengalaman dan pengetahuan dengan negara-negara lain yang juga sedang giat memajukan teknologi yang sama.

“Penekanan yang diberikan untuk memajukan teknologi ini sudah pasti dapat memanfaatkan negara dan rakyat.

“Apatah lagi kita kini lebih serius dalam memajukan setiap teknologi yang dimiliki sebagai persediaan untuk menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020,” katanya.

Rakaman ucapan beliau ditayangkan pada majlis pelancaran Measat-3 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) yang disiarkan secara langsung dari Baikonur Cosmodrome, Kazakhstan.

Satelit berkenaan berjaya dilancarkan dengan roket Proton Breeze-M pada pukul 7.28 pagi yang turut disaksikan lebih 1,000 tetamu.

Abdullah berharap para pengkaji dan jurutera tempatan terus meningkatkan kemahiran dan pengetahuan masing-masing dalam teknologi komunikasi satelit supaya dapat berkongsi dengan negara-negara lain yang memiliki teknologi sama.

Dalam rakaman itu, beliau turut mengucapkan tahniah kepada pelbagai kementerian khususnya Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi; agensi-agensi kerajaan dan individu-individu yang telah menjayakan pelancaran Measat-3.